

D928

U B133 BAH
EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM INI.
MAHATHIR - PBB

KUALA LUMPUR, 11 NOV (BERNAMA) -- MALAYSIA MENYOKONG PENUH LANGKAH MENGADAKAN KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK YANG SEDANG DIUSAHAKAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU DI NEW YORK, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

KATANYA, MALAYSIA, MELALUI USAHA PERSATUAN BANGSA-BANGSA BERSATU MALAYSIA (UNMA), SENTIASA MENGUTAMAKAN PENGLIBATAN KANAK-KANAK SEMASA MENGANJURKAN HARI BANGSA-BANGSA BERSATU.

+TRADISI INI SANGAT TERPUJI KERANA APA SAHAJA YANG DIPERJUANGKAN HARI INI OLEH BADAN DUNIA INI ADALAH UNTUK KESEJAHTERAAN, KESELAMATAN DAN KEBAHAGIAAN MASA DEPAN KANAK-KANAK DI SELURUH DUNIA,+ KATANYA PADA MAJLIS SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-44 BANGSA-BANGSA BERSATU DI SINI.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA ADALAH PENYOKONG KUAT PBB DAN SENTIASA MENGAMBIL PELUANG BERSUARA DENGAN TEGAS TERHADAP ISU-ISU PENTING PADA PERHIMPUNAN AGUNG BADAN DUNIA ITU.

PBB YANG DITUBUHKAN SELEPAS DUNIA MENGALAMI DUA PERANG DUNIA MEMPUNYAI PERANAN PENTING UNTUK MEWUJUDKAN DUNIA YANG SELAMAT DAN SEJAHTERA DENGAN MENGELAKKAN PEPERANGAN, MEWUJUDKAN HAK-HAK MANUSIA DAN MENGGALAKKAN KEMAJUAN EKONOMI DAN SOSIAL YANG AKAN MENINGKATKAN TARAF HIDUP PENDUDUK DUNIA, KATANYA. -- LAGI
1931MST 11 11 89

D929

U B134 BAH
MAHATHIR - PBB 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SEMANGAT PIAGAM BANGSA-BANGSA BERSATU YANG DITANDATANGANI PADA 26 JUN 1945 HENDAKLAH DIPUPUK DI KALANGAN GENERASI MUDA AGAR MEREKA MEMPUNYAI SIKAP BERTANGGUNGJAWAB DAN BEKERJASAMA UNTUK MEWUJUDKAN KESEJAHTERAAN DUNIA, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, SETIAP NEGARA ANGGOTA PBB BERSETUJU TINDAKAN SEGERA DAN BERKESAN PERLU DIBUAT PADA PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA UNTUK MEMPERBAIKI KEADAAN KANAK-KANAK DI KEBANYAKAN TEMPAT DI DUNIA YANG DILANDA BENCANA ALAM, KEBULURAN DAN PERTELINGKAHAN BERSENJATA. -- BERNAMA
1932MST 11 11 89

R B150 BAH
MAHATHIR - PBB 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA AWAL)

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI, SERTA MENTERI PERTAHANAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, SELAKU PRESIDEN UNMA, MENYANYIKAN LAGU +IT'S A SMALL WORLD+ BERSAMA-SAMA KIRA-KIRA 300 KANAK-KANAK.

KANAK-KANAK ITU, YANG MEWAKILI BEBERAPA BUAH TADIKA TEMPATAN SERTA KEDUTAAN SOVIET UNION DAN JEPUN, MEMPERSEMBAHKAN NYANYIAN, TARIAN DAN LAKONAN.

TURUT HADIR IALAH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR DATUK AHMAD KAMIL JAAFAR DAN WAKIL-WAKIL KEDUTAAN ASING.

UNMA DITUBUHKAN PADA TAHUN 1985. -- BERNAMA
2330MST 11 11 89